

PELANCARAN RUMAH IBADAT HIJAU DAN PROGRAM KESEDARAN MENGENAI KELESTARIAN ALAM SEKITAR DI MASJID NURUL IMAN, NIBONG TEBAL, PULAU PINANG

- *Masjid Nurul Iman menjadi projek perintis Rumah Ibadah Hijau bagi Parlimen Nibong Tebal*

Nibong Tebal, 10 September – Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) dengan kerjasama Pejabat Parlimen Nibong Tebal Pulau Pinang telah menjadikan Masjid Nurul Iman sebagai Rumah Ibadat Ibadat (RIH) hari ini. Masjid tersebut yang juga merupakan Masjid Angkat kepada Yang Berhormat Dato' Mansor bin Haji Othman, Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air turut menyaksikan pelaksanaan program kesedaran mengenai kelestarian alam sekitar disini.

Pelaksanaan program transformasi masjid kepada RIH di Nibong Tebal, Pulau Pinang adalah hasil daripada kesinambungan kejayaan inisiatif ini dengan tujuan menjadikan ia sebagai projek perintis bagi parlimen dan sekaligus sebagai rujukan kepada seluruh negeri.

Melalui audit awalan yang dijalankan, MGTC menggariskan beberapa penambahbaikan bagi elemen tenaga kepada pihak masjid seperti penukaran lampu limpah kepada LED, pemasangan sistem solar sebanyak 20.71kWp di bumbung masjid dengan potensi anggaran penjanaan sebanyak 2,112kWj dan penjimatan kos utiliti sebanyak lima puluh peratus (50%) bersamaan RM1,115 sebulan berbanding purata bil bulanan masjid sebelum ini.

Bagi elemen air, MGTC menemui penggunaan pili air yang cekap dapat mendatangkan penjimatan kepada Masjid Nurul Iman sebanyak 20 hingga 40 peratus berbanding penggunaan pili air sedia ada. Selain itu, pemasangan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) juga didapati dapat menangani pembaziran air daripada berlaku bagi kegunaan rutin bukan asas seperti penyiraman pokok-pokok dan sebagainya.

Dato' Mansor bin Haji Othman, berkata, "potensi jumlah penjimatan kos utiliti kepada 10 Masjid Angkat yang dijalankan adalah sebanyak RM302 ribu bersamaan 27 peratus jika dibandingkan dengan penanda aras pada tahun 2019. Pencapaian penjimatan ini akan tercapai dengan melibatkan anggaran pelaburan sebanyak RM1.7 juta dengan tempoh pulangan balik modal adalah selama 4.7 tahun".

Susulan audit awalan yang dijalankan oleh MGTC, Ustaz Abdul Rahim Othman selaku Pengerusi Qaryah Masjid Nurul Iman dengan bantuan dana daripada Pejabat Parlimen Nibong Tebal telah menggerakkan pelaksanaan amalan dan aplikasi teknologi hijau berpandukan kerangka RIH seperti penggunaan sistem penghawa dingin cekap tenaga, pencahayaan luaran dan dalaman LED, dan beberapa alam hijau bagi mengelak pembaziran berlaku di masjid tersebut.

Majlis Pelancaran Program Transformasi Rumah Ibadat Hijau dan Kesedaran Kelestarian Alam Sekitar telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Mansor bin Haji Othman, Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air anjuran bersama di antara MGTC, Pejabat Parlimen Nibong Tebal dan Masjid Nurul Iman. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Ts. Shamsul Bahar Mohd Nor, Ketua Pegawai Eksekutif MGTC dan Ustaz Abdul Rahim Othman, Pengerusi Qaryah Masjid Nurul Iman.

Mengenai kami

MALYSIAN GREEN TECHNOLOGY AND CLIMATE CHANGE CORPORATION [199801006110 (462237-T)]

(Formerly known as Malaysian Green Technology and Climate Change Centre)

No.2, Jalan 9/10, Persiaran Usahawan, Seksyen 9,

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tel: +603-8921 0800 Fax: +603-8921 0801/0802 WhatsApp: +6019-308 8286

Email: info@mgtc.gov.my | www.mgtc.gov.my

Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (MGTC) adalah agensi Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) yang diberi mandat bagi memacu negara di dalam skop Mempercepatkan Pertumbuhan Hijau, Memajukan Mitigasi Perubahan Iklim dan Menyokong Budaya Gaya Hidup Hijau. Peranan utama MGTC sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi hijau adalah berpandukan Dasar Teknologi Hijau Negara (NGTP), Dasar Perubahan Iklim Negara (NCCP) dan Pelan Induk Teknologi Hijau (GTMP). MGTC melaksanakan inisiatif dan program yang memberikan perincian khusus dalam mencapai impak jangka panjang kepada Nationally Determined Contribution (NDC) Mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau (GHG) KDNK sebanyak 45% (tanpa syarat) menjelang 2030 berbanding intensiti pelepasan KDNK pada tahun 2005, meningkatkan kadar KDNK daripada teknologi hijau sebanyak RM100 Billion dan penjaan sebanyak 230,000 peluang pekerjaan hijau.

Perhubungan Media

Corporate Communications

MGTC

comms@mgtc.gov.my